

09 SEP 1996

Abdullah-Somalia

KERAJAAN AKAN MENYIASAT PROJEK MERAGUKAN DI SOMALIA

KUALA LUMPUR, 9 Sept (Bernama) -- Kerajaan akan memastikan sejauh mana penglibatan rakyat Malaysia dalam sebuah "projek meragukan" di Somalia yang mencetuskan kemarahan satu daripada kumpulan yang terlibat dalam perang saudara di negara itu.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi berkata, Kementerian itu akan mendapatkan pandangan mereka yang sudah terlibat sebelum mengambil sebarang tindakan mengenainya.

Abdullah berkata demikian kepada pemberita selepas memberi taklimat kepada pemberita mengenai pertemuan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed dengan rakan sejawatannya dari Czech, Vaclav Klaus yang kini berada dalam rangka lawatan tiga hari ke Malaysia.

Beliau berkata demikian semasa diminta mengulas mengenai laporan akhbar yang menyebut sebuah kumpulan Somalia memberi amaran kepada warga Malaysia di Selatan Mogadishu bahawa ia tidak menjamin keselamatan mereka di ibu kota yang bergolak itu.

Menurut laporan awal, "projek meragukan" itu membabitkan penubuhan sebuah bank di negara itu.

Laporan mengenai ugutan itu memetik Abdi Hassan Awale Qeybdid iaitu Setiausaha Dalam Negeri kumpulan Kongres Somali Bersatu/Perikatan Kebangsaan Somali (USC/SNA) pimpinan Osman Hassan Ali Atto, yang berusaha menguasai Selatan Mogadishu.

USC/SNA yang bertelagah dengan kumpulan bekas panglima perang allahyarham Jen. Mohamad Farrah Aideed (kini diketuai anaknya Huseein Aideed) memberi amaran kepada rakyat Malaysia bahawa mereka "tidak akan menikmati keamanan" di ibu kota Somalia.

Laporan itu memetik Qyebdid menuduh seorang warga Malaysia bernama "Kol Lim Tow" salah seorang Komander Malaysia ketika operasi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di Somalia (UNOSOM) sebagai terbabit dalam "projek meragukan" di Somalia yang dijalankan oleh kerajaan Malaysia.

Laporan itu juga menyebut Qeydid sebagai berkata, jika berlaku kematian rakyat Malaysia di Selatan ibu kota itu adalah tanggungjawab kerajaan Malaysia sendiri.

Mengenai penglibatan Kolonel itu seperti yang dilaporkan, Abdullah berkata beliau tidak tahu mengenainya dan tiada projek kerajaan di sana dan kalau ada pun ianya merupakan projek swasta.

Beliau berkata, pada peringkat awal Malaysia berminat untuk mengambil bahagian dalam projek memperbaiki pelabuhan di Mogadishu tetapi disebabkan politik sesama mereka, ia menjadi masalah.

Mengenai pelabur negara yang melabur di sana, Abdullah berkata terserah kepada mereka kerana jika mereka rasa ianya tidak selamat lagi untuk melabur maka mereka boleh keluar dan melabur di tempat lain.

"Peluang kita melabur di negara lain memang luas dan kalau di situ tidak selamat lagi mungkin lebih baik tinggalkan dan pergi ke tempat lain tetapi mungkin mereka (pelabur) telah mengeluarkan wang terlalu banyak yang menghalang mereka berbuat demikian.

Sementara itu, Cawangan Perhubungan Awam Kementerian Pertahanan dalam satu kenyataan menyatakan Kementerian berkenaan tidak menghantar mana-mana anggotanya untuk sebarang tugas di Somalia buat masa ini.

"Penglibatan Kementerian Pertahanan kali terakhir di Somalia ialah pada Februari 1995 dengan anggota-anggota ATM mengendalikan lapangan Terbang Mogadishu di negara itu," kata kenyataan itu lagi.

-- BERNAMA
NHD PR